



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**FAKTOR PENYUMBANG DALAM PEMBENTUKAN DAN KONSERVASI
IDENTITI JALAN KOTA, BANDAR WARISAN**

NORASIKIN HJ. HASSAN

FRSB 2005 7



ISI KANDUNGAN

Muka surat

DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	ix
PENGESAHAN	x
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xxv

BAB

1	PENGENALAN	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Definisi Konservasi Bandar	2
	1.3 Isu Konservasi Bandar	10
	1.4 Kenyataan Masalah	15
	1.5 Skop Kajian	17
	1.6 Matlamat Kajian	18
	1.7 Objektif Kajian	18
	1.8 Kepentingan Kajian Terhadap Konservasi Bandar	19
2	KAJIAN TEORITIKAL	23
	2.1 Pengenalan	23
	2.2 Pengertian Warisan	23
	2.3 Konsep Konservasi dan Pengekalan Bandar Warisan	24
	2.4 Terminologi Berhubung Rapat Dengan Konservasi	27
	2.4.1 Identiti	27
	2.4.2 Tempat	34
	2.4.3 'Genius Loci'	37
	2.4.4 Aktiviti Sosio Budaya Masyarakat	41
	2.5 Bangunan Warisan Di Malaysia	45
	2.5.1 Evolusi Gaya Seni Bina Rumah Kedai Lama	47
	2.6 Senario Konservasi Bandar Warisan Di Malaysia	52
	2.6.1 Bandar George Town, Pulau Pinang	57
	2.6.2 Bandar Hilir Melaka, Melaka	60
	2.6.3 Bandar Taiping, Perak	62
	2.7 Konservasi Bandar Bersejarah Britain	68



2.8	Kajian Rujukan I: Bath, England	71
2.9	Kajian Rujukan II: York, England	75
2.10	Strategi Konservasi Bandar	77
	2.10.1 Bangunan Terpilih	78
	2.10.2 Reka Bentuk Kawasan Konservasi	82
	2.10.3 Perundingan dan Penglibatan Masyarakat	85
2.11	Rumusan	86
3	METODOLOGI KAJIAN	92
3.1	Pengenalan	92
3.2	Pengumpulan Maklumat	94
3.3	Saiz Sampel	97
3.4	Jenis Sampel dan Responden	98
3.5	Reka Bentuk Soal Selidik	98
	3.5.1 Kajian Rintis	98
	3.5.2 Soal Selidik	99
	3.5.3 Borang Soal Selidik	100
3.6	Maklumbalas	100
3.7	Pemerhatian dan Inventori Tapak	101
3.8	Temu Bual	101
3.9	Tempoh Kajian	102
3.10	Pemprosesan dan Penganalisan Data	102
3.11	Limitasi dan Masalah Kajian	103
4	KRONOLOGI EVOLUSI BANDAR	104
4.1	Pengenalan	104
4.2	Latar Belakang Kawasan Kajian	104
4.3	Evolusi Pembentukan Bandar Taiping	105
	4.3.1 Sejarah Awal Bandar Taiping (1850-1872)	106
	4.3.2 Campurtangan British (1872-1900)	108
	4.3.3 Era 1900-1950	112
	4.3.4 Bandar Taiping Kini	115
4.4	Rumusan	117
5	INVENTORI DAN ANALISIS TAPAK	120
5.1	Morfologi Bandar	120
5.2	Gunatanah	121
	5.2.1 Zon Perniagaan	121
	5.2.2 Zon Rekreasi	124
	5.2.3 Zon Sejarah	124
5.3	Rupa Bentuk Plot	125
	5.3.1 Reka Bentuk Kekisi	128
	5.3.2 Reka Bentuk Persekitaran dan Rupa Bandar	130

5.4	Gaya Seni Bina	135
5.4.1	Gaya Seni Bina Rumah Kedai Lama	135
5.4.2	Bangunan Warisan di Jalan Kota	144
5.5	Sirkulasi Semasa	154
5.6	Perabot Jalan	158
5.7	Corak Ekonomi dan Sosio Budaya	160
5.8	Kawasan Lapang	164
5.9	Rumusan	165
6	PENEMUAN KAJIAN	175
6.1	Pengenalan	175
6.2	Profil Responden	175
6.2.1	Bangsa dan Jantina	175
6.2.2	Lingkungan Umur	176
6.2.3	Tahap Pendidikan	178
6.2.4	Kategori Penduduk	179
6.3	Persepsi dan Cadangan Terhadap Tinggalan Sejarah dan Persekitaran Bandar Warisan	180
6.3.1	Kesedaran Terhadap Kepentingan Konservasi Warisan	180
6.3.2	Pengetahuan Terhadap Warisan	181
6.3.3	Elemen Yang Memberi Karakter Pada Jalan Kota	182
6.3.4	Persepsi Terhadap Tahap Tinggalan Sejarah dan Persekitaran	184
6.3.5	Faktor Yang Menyebabkan Berlakunya Perubahan Bandar	185
6.3.6	Pihak Yang Bertanggungjawab	187
6.4	Temu Bual Bersama Profesional	189
6.5	Rumusan	198
7	RUMUSAN DAN CADANGAN	207
7.1	Pengenalan	207
7.2	Saranan Polisi	209
7.3	Cadangan Garis Panduan Reka Bentuk Kawasan Konservasi	213
7.3.1	Reka Bentuk Seni Bina	214
7.3.2	Bangunan Warisan dan Mercu Tanda	216
7.3.3	Sistem Lalu Lintas	217
7.3.4	Laluan Pejalan Kaki	219
7.3.5	Perabot Jalan	221
7.3.6	Zon Penampan	222
7.3.7	Corak Ekonomi dan Sosio Budaya	223
7.4	Kaedah implimentasi	225

7.5	Rumusan	228
7.6	Cadangan Kajian Masa Hadapan	234

BIBLIOGRAFI	B.1
LAMPIRAN	L.1
BIODATA PENULIS	B.1



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Dewasa ini, negara membangun dan negara sedang membangun bersaing untuk mencapai visi sendiri semata-mata untuk menjadikan negara mereka dikenali seantario dunia. Dalam hubungan ini, bandar yang dikenali ramai adalah bandar yang maju sekaligus mempunyai kuasa politik dan ekonomi yang kukuh serta mendapat pengiktirafan dunia. Namun demikian, masih terdapat beberapa bandar di negara kurang maju yang terkenal di seluruh dunia kerana mempunyai imej dan identiti yang tersendiri.

Sesebuah negara itu perlu mempunyai karakter dan identiti yang kukuh supaya ia dikenali di seluruh dunia. Selain itu, kekuatan di dalam mereka bentuk dan merancang pembangunan fizikal bandar juga merupakan faktor penting. Faktor ini perlu diberi keutamaan kerana ianya menyumbang kepada pembentukan identiti setempat. Persoalan pentingnya konservasi identiti dan karakter ini merupakan faktor utama pemilihan kawasan kajian di dalam penyelidikan ini. Bandar Taiping merupakan bandar warisan yang mempunyai karakter dan identiti tersendiri pada kurun ke 19. Walaupun bandar-bandar di negara ini sedang membangun dan mengalami proses urbanisasi namun faktor konservasi identiti bandar tidak boleh diketepikan. Penyelidik berpendapat bahawa, tuntutan pembangunan dan proses urbanisasi merupakan ancaman utama yang sedang dihadapi oleh bandar

Taiping khususnya Jalan Kota. Bandar Taiping telah digazetkan sebagai “Bandar Warisan”, semenjak tahun 1997, iaitu hampir sepuluh tahun. Oleh itu adalah penting untuk menilai samada identiti dan karakter di kawasan kajian iaitu Jalan Kota terpelihara. Kajian bertujuan untuk melihat situasi yang sedang berlaku dan langkah yang wajar diambil di masa hadapan.

Pembangunan pesat yang sedang berlaku di dalam bandar menyebabkan kaedah konservasi harus dipertingkatkan supaya pembangunan dan rupa bentuk fizikal bandar dapat dikawal. Ini sejajar dengan matlamat kerajaan iaitu, untuk mewujudkan kemudahan yang selesa, eksklusif dan mempunyai kemudahan informasi dan teknologi yang terkini bagi komuniti bandar tanpa memberikan impak kepada kawasan sediada. Justeru, kajian ini juga bertujuan untuk menjadikan budaya konservasi bandar sebagai intipati dan agenda penting di dalam proses konservasi identiti sesebuah bandar terutamanya bagi bandar bersejarah seperti bandar Taiping.

1.2 Definisi Konservasi

Konservasi didefinisikan sebagai suatu kawasan bersejarah iaitu kawasan yang sentiasa diberi perhatian dan tumpuan khusus untuk dikekalkan terutamanya bagi kawasan yang memiliki tinggalan yang sangat istimewa dan unik seperti hasil dari tinggalan penjajah. Menurut Burra Charter (1977), konservasi merupakan satu istilah umum yang bermaksud, “Segala proses yang terlibat untuk menjaga sesuatu tempat bagi tujuan memelihara kepentingan budaya. Tindakan ini termasuk perawatan dan mengikut

keadaan tertentu termasuk pengekal, pemulihan, pembangunan semula dan penyesuaiguna”.

Presiden Badan Warisan Malaysia iaitu Ahmad Sarji, seorang aktivis konservasi, dalam ucapannya pada Seminar “Taiping Bandar Warisan” (2001), antara lain menekankan agar usaha konservasi bangunan bersejarah dijalankan secara serius dan zon penampakan yang bersesuaian perlu diwujudkan supaya ia mampu memberikan perlindungan yang sewajarnya. Pemandangan di dalam Rajah 1.1 menunjukkan *townscape* bandar Taiping pada kurun 19.

Kelihatan deretan pokok ditanam di hadapan kedai untuk memberikan teduhan. Namun kini pokok ini telah di tebang atas sebab tertentu dan Jalan Kota kehilangan satu daripada elemen yang membentuk karakternya. Deretan rumah kedai lama di kiri dan kanan jalan masih kekal sehingga ke hari ini. Sememangnya, aktiviti konservasi yang ingin dilaksanakan memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak. Antara badan perundangan negara Malaysia yang bertanggungjawab dan menyokong usaha konservasi ialah seperti Akta Benda Purba 1976 (Akta 168), Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Selain itu, terdapat beberapa enakmen yang telah digubal oleh Penguasa Tempatan seperti, Enakmen Kerajaan Tempatan dan Enakmen lain seperti Kanun Tanah Negara, Undang-undang Laut dan Perundangan Antarabangsa, serta yang terbaru, Enakmen Melaka 1988.



Rajah 1.1 : Aktiviti perniagaan di Jalan Taming Sari (Main Road).

Sumber : Alex Teoh, Steve Tan Collection, “History of Taiping”, Old Taiping, 2004.

Pelbagai usaha dan kaedah telah dilaksanakan termasuklah dengan mewujudkan Kawasan Reka Bentuk Konservasi dan Jejak Warisan. Bandar yang mempunyai Jejak Warisan merupakan bandar yang kaya dengan persekitaran dan seni bina warisan seperti bandar George Town, Kota Bharu, Taiping dan bandar Melaka (Ghafar, 2003). Walau bagaimanapun, aktiviti pembangunan yang sedang rancak dilakukan ke atas bandar warisan ini boleh mengancam aktiviti konservasi yang masih baru diperkenalkan jika aktiviti pembangunannya tidak dipantau oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Kajian ini juga bertujuan mengupas persoalan:-

1. Faktor yang menyumbang dalam aktiviti konservasi identiti Jalan Kota
2. Kesesuaian kaedah konservasi
3. Peraturan pembangunan semasa yang telah dirancang dan dilaksanakan dengan pembangunan semasa.

Selain itu, penyelidik akan menganalisis bagaimana sikap dan kepekaan masyarakat Malaysia terhadap kepentingan aktiviti konservasi bandar warisan. Justeru, hasil daripada kajian terhadap Bandar Taiping ini diharap dapat menjawab objektif kajian di samping menyelesaikan masalah yang telah dikenalpasti. Pengkaji juga berharap hasil daripada kajian ini dapat memberi informasi yang berguna dan menyedarkan masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat tempatan dan PBT bahawa penglibatan semua pihak adalah amat penting di dalam usaha konservasi bandar pada masa akan datang.

Ahmad Sarji (2001), dalam ucapannya menyatakan bahawa, “Kuasa dan motif yang akan membuatkan masyarakat mengikuti aktiviti pengekalan bangunan lama dan bersejarah adalah semangat kecintaan yang mendalam terhadap sejarah tempat dan negara. Bangunan warisan merupakan hasil seni sesuatu seni bina yang signifikan dari sudut budaya dan sejarah. Bangunan juga mempunyai hampir semua kualiti yang manusia miliki. Ini termasuklah personaliti, karakter dan kualiti ini akan berkembang”.

Seterusnya, beliau menjelaskan bahawa minat yang mendalam terhadap konservasi bangunan warisan pada dasarnya berputik dari semangat nasionalisme yang tinggi dalam diri setiap individu. Perasaan ingin tahu dan memahami karakter dan sejarah bangunan itu secara tidak langsung mendedahkan setiap individu terhadap peristiwa silam yang disimpan olehnya. Konservasi bandar warisan seharusnya dijadikan sebahagian daripada agenda perancangan dan pembangunan negara. Walau

bagaimanapun, sebarang aktiviti perancangan bandar haruslah mengambil kira faktor persekitaran alam bina dan sosial kawasan terbabit. Hal ini turut ditekankan dalam Deklarasi Amsterdam semasa Kongres Seni Bina Warisan Eropah 1975, yang menyatakan bahawa, “konservasi seni bina harus dianggap sebagai isu dan objektif utama di dalam perancangan bandar dan wilayah. Konservasi terhadap seni bina ini harus menjadi sebahagian daripada perancangan bandar di mana wujudnya intergrasi konservasi seni bina warisan ke dalam kehidupan sosial”

Konvensyen Warisan Dunia 1972, yang dianjurkan oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO)*, telah menyatakan tiga kategori artifak yang dianggap sebagai warisan budaya iaitu monumen, seni bina bangunan dan tapak kawasan tinggalan sejarah. Di Malaysia, proses penjajahan dan pemerintahan kolonial merupakan antara faktor penting yang mempengaruhi pembukaan kawasan baru yang akhirnya berkembang dan maju menjadi bandar. Setiap bandar memiliki warisan sejarah dan seni bina selain rupa bentuk bandar yang menimbulkan nostalgia dan juga ‘*genius loci*’ tempat tersebut.

Kesan kesinambungan yang diwujudkan oleh elemen bandar mampu memberikan gambaran identiti sesuatu bandar. Ini kerana identiti sering dianggap sebagai nadi utama sesebuah bandar. Tindakbalas manusia terhadap persekitarannya amat penting kerana tanpa disedari faktor ini juga menyumbang kepada pembentukan identiti bandar dan mewujudkan kesan ‘*sense of place*’, ‘*sense of memory*’ dan ‘*sense of belonging*’ kepada sesuatu bandar (Garnham, 1985).

Menurut Ghafar (2003), bandar yang dikategorikan sebagai bandar warisan di Malaysia ialah bandar George Town, bandar Melaka, Kuala Lumpur, Kota Bharu, Kuching dan Taiping. Ia diklasifikasikan mengikut tahun ia dibuka dan mengikut banciaan bangunan lama yang terdapat di bandar seperti yang tercatat di dalam Akta Benda Purba 1976. Pihak Muzium dan Antikuiti Negara bertanggungjawab dalam aktiviti konservasi monumen lama dan bersejarah yang berumur 100 tahun. Nilai seni bina, sejarah dan budaya atau *added value* yang terdapat pada bangunan dan persekitaran bandar merupakan aset negara yang amat berharga. Pemandangan dalam Rajah 1.2 menunjukkan bandar sebagai pusat berkembangnya aktiviti sosial dan ekonomi dan aktiviti pada kurun ke 18. Persekitaran bandar seperti ini mampu mengembalikan nostalgia zaman dahulu untuk tatapan generasi masa depan. Bangunan lama juga masih boleh diubah suai mengikut kesesuaian penggunaannya pada zaman moden dengan menggunakan kaedah suai guna seperti bangunan Carcosa Seri Negara yang di tukar kegunaannya daripada kediaman rasmi menjadi hotel eksklusif.



Rajah 1.2 : Pemandangan bandar Melaka pada kurun 18.
Sumber : Badryah Hj. Salleh, “Nostalgia for Old Melaka”. Heritage Asia, 2003.

Menurut Ahmad Sarji (2003) lagi dalam kertas kerja bertajuk "*Urban Regeneration through Conservation Initiatives*", pendekatan di dalam pengurusan konservasi warisan telah berubah di mana kini ia melibatkan cara hidup sosial di bandar, kawasan sejarah serta landskap budaya. Ini bermaksud faktor sosial, elemen seni bina dan sejarah adalah sama penting dan harus dikekalkan kerana peranannya di dalam pembangunan mapan.

Ahmad Sarji juga menjelaskan bahawa sebahagian besar daripada rakyat negara ini beranggapan bahawa himpunan daripada sumber warisan melambangkan imej Malaysia dan merupakan produk tarikan pelancong. Masyarakat Barat pula telah lama menyedari dan menekankan pentingnya konservasi terhadap nilai budaya dan persekitaran warisan ini. Justeru, penekanan yang diberikan termasuklah konservasi terhadap bandar warisan ataupun kawasan yang mempunyai nilai sejarah dan landskap budaya.

Kajian konservasi bandar warisan ini juga mempunyai beberapa sebab dan signifikannya yang tersendiri. Antaranya adalah:

1. Konservasi warisan budaya setempat.

Warisan negara adalah harta yang sangat bernilai kepada sesuatu negara dan bangsa. Warisan merupakan sesuatu peninggalan yang tidak boleh dicari, dibeli atau ditukar ganti. Umpamanya, kelahiran tokoh sejarah seperti Long Jaafar dan Ngah Ibrahim mencatat sejarahnya yang tersendiri. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab kita untuk memelihara dan memulihara segala harta benda peninggalan mereka supaya tidak luput begitu sahaja. Walaupun warisan ini boleh dibina atau dicipta semula

dengan menggunakan teknik moden masa kini namun nilai warisan yang baru ini tidak sama dengan warisan yang asal.

2. Konservasi karakter dan identiti dan seni bina yang menarik.

Warisan seni bina yang pelbagai dan menarik dapat membentuk karakter istimewa dan tersendiri bagi sesuatu kawasan. Di samping itu, ia juga memberikan kesan emosi kepada seseorang atau juga disebut mempunyai '*sense of place and identity*' di kawasan tersebut. Ini bermakna, kita masih boleh menyelami perasaan dan membayangkan sesuatu peristiwa yang telah berlaku itu dengan hanya berada di lokasi yang masih dipelihara.

3. Menyediakan maklumat serta sumber penyelidikan.

Perkara pertama yang harus dititikberatkan sebelum konservasi dapat dilaksanakan ialah dengan mendidik masyarakat melalui informasi yang berguna. Informasi berkaitan warisan juga suatu masa nanti akan menjadi sumber penyelidikan samada dalam bidang bersifat saintifik atau arkeologi.

4. Mempertingkatkan taraf ekonomi dari sektor pelancongan.

Kaedah suaiguna dapat meningkatkan taraf kehidupan serta ekonomi masyarakat dengan mewujudkan peluang pekerjaan di samping dapat menarik pelancong tempatan dan asing.

5. Meningkatkan kesedaran di kalangan profesional dan masyarakat tempatan.

Melalui usaha konservasi, kesedaran serta sikap sensitif terhadap ancaman dan tekanan globalisasi terhadap bandar dapat ditingkatkan. Tindakan ini

juga dapat membantu golongan profesional untuk mempelbagaikan peranan mereka dalam usaha menyelesaikan masalah dalam bidang yang berkaitan.

1.3 Isu Konservasi Bandar

Negara Malaysia telah mula menyedari bahawa aktiviti konservasi warisan ini mampu memberikan impak terhadap ekonomi, sosio budaya setempat dan menarik perhatian pelancong. Sebagai contoh, bandar Bath dan York di United Kingdom dan Venice di Itali merupakan bandar yang menjadikan sektor pelancongan sebagai sumber pendapatan utama para penduduknya. Jika dilihat melalui latar belakang, kedua-dua negara ini sangat menitikberatkan aktiviti konservasi bandar secara keseluruhan. Melalui sumber yang diperolehi daripada *World Tourism Organisation (WTO)* pada tahun 2000, Ulack dan Casino. Jr., (1992), menyatakan bahawa, industri pelancongan telah menyumbang sebanyak US\$476 billion (7%) dan hampir 700 juta pelancong melawat negara asing pada tahun yang sama.

Pusat Warisan Pulau Pinang menyatakan bahawa terdapat beberapa kepentingan atau faedah yang perlu diketahui oleh masyarakat sesuatu tempat jika ingin tempat atau negara tersebut mendapat perhatian daripada UNESCO dan tersenarai di dalam Senarai Warisan Dunia atau *World Heritage List (WHL)*. Antaranya, keupayaan memupuk semangat sosial masyarakat setempat dan semangat nasionalisme terhadap harta atau tempat yang didiami. Ini secara tidak langsung dapat membentuk sikap ingin mengambil tahu atau melindungi tempat tersebut.

Daripada aspek ekonomi pula, penyenaaraian sebagai tapak Warisan Dunia mampu mempengaruhi bilangan pelancong asing dan domestik yang berkunjung ke sesebuah tempat di samping menambah peluang pekerjaan serta menambah pendapatan. Fenomena ini tentunya akan meningkatkan perancangan dan pengurusan warisan secara khusus. Dalam hubungan ini, masyarakat tempatan merupakan golongan yang paling beruntung kerana mereka berpeluang mendapat pekerjaan.

Seni warisan yang terdapat di negara Malaysia mampu menjadi daya penarik kepada para pelancong yang berkunjung ke negara Asean supaya melancong ke Malaysia. Menurut statistik, Zoo dan Taman Tasik Taiping menerima lebih kurang 200,000 pelancong setahun (Teoh, A, 2004). Manakala menurut *Perak Tourist Newspaper* (2005), pelancong asing berkunjung ke bandar Taiping kerana tertarik dengan mercu tanda sejarahnya yang masih teguh. Bandar Taiping amat kaya dengan mercu tanda dan sering dikaitkan dengan "*The Town of Many Firsts*". Bandar Taiping mempunyai 31 buah mercu tanda pertama di Malaysia. Namun, keadaan semasa bangunan itu sendiri masih perlu diberi penjagaan dan perhatian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemilik, Non Government Organization (NGO) dan sokongan daripada masyarakat lantaran umur bangunan menjejaki 100 tahun. Dari sudut ini, aktiviti konservasi memainkan peranan paling penting bagi memastikan landskap bandar sentiasa terpelihara seperti yang dilakukan oleh Melaka dan Pulau Pinang.

Tempat menarik di Bukit Larut juga sedang dinaik taraf untuk menarik ramai pelancong tempatan dan luar negara. Antara usaha yang telah dilakukan adalah penanaman bunga Tulip yang biasa ditanam di negara sejuk tetapi kini boleh didapati di puncak Bukit Larut. Tempat menarik seperti Kuala Sepetang dan Pusat Eko Pelancongan Matang juga merupakan tarikan sampingan pelancong yang berkunjung ke kawasan kajian.

Keadaan ini membuktikan bahawa ia berpotensi untuk menyumbang kepada bidang ekonomi dan pelancongan negeri Perak namun konservasi secara menyeluruh amat perlu bagi memastikan pulangan ekonomi yang berpatutan.

Konservasi identiti kawasan kajian amat penting kerana menurut Ghafar (2003), konservasi bukan sahaja berkait rapat dengan struktur bangunan malah ia juga membayangkan kepada kita tentang budaya sesuatu masyarakat tersebut. Aktiviti konservasi memerlukan komitmen masyarakat secara total serta mencerminkan tindakbalas masyarakat terhadap persekitarannya. Kesedaran terhadap kepentingan konservasi ini haruslah disemai di jiwa masyarakat tempatan terutamanya kepada golongan remaja. Ini kerana mereka adalah pengunjung bandar yang paling ramai ketika ini di samping mengikis persepsi negatif yang beranggapan bahawa bandar lama sebagai tempat yang mundur, ketinggalan dan tidak lagi memenuhi citarasa dunia moden.

Menurut laporan *The Royal Town Planning Institute of Britain* (1992), pihak kerajaannya telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar dalam


melaksanakan polisi dan dasar konservasi dan pengekelan ke atas negara Eropah seperti United Kingdom, Perancis dan Belanda. Khazanah silam bukan hanya terletak pada bangunan lama yang indah dan terpelihara tetapi pengekelan terhadap identiti setempat juga amat penting bagi sesebuah negara supaya ia lebih dikenali.

Graeme Shankland dalam kertas kerjanya yang bertajuk '*Why Trouble With Historic Town?*' di persidangan UNESCO 1975 menyatakan bahawa fenomena bandar yang tidak mempunyai personaliti merupakan satu masalah yang sedang dihadapi oleh bandar baru. Beliau berpendapat bahawa negara yang tidak mempunyai sejarah silam adalah negara yang kosong dan tidak ada kemajuan manakala bandar yang tidak mempunyai bangunan lama adalah seperti seseorang yang tidak mempunyai kenangan. Sejarah telah membuktikan bahawa bandar Taiping amat terkenal di kalangan pelacong asing pada zaman kegemilangannya. Siapa menyangka bahawa presiden negara Indonesia iaitu Sukarno pernah berkunjung ke Taiping pada suatu ketika dahulu. Tempat penginapan beliau masih boleh dilihat hingga ke hari ini. Issabella Lucy Bird Bishop atau lebih dikenali dengan nama Issabella Bird (Rajah 1.3), wanita Inggeris ini mengembara ke seluruh dunia pada ketika beliau aktif menulis untuk menimba pengalamannya. Pada usia pertengahan 40an, beliau telah menjadi tetamu kepada Sir Hugh Low yang mentadbir kerajaan Kolonial pada ketika itu dan juga W.E. Maxwell. Beliau telah menulis tentang Semenanjung Tanah Melayu dan bandar Taiping khususnya dalam karya yang bertajuk *The Golden Chersonese and the Way Thither (1883)*. *Chersonese* adalah

gelaran yang diberikan kepada Tanah Melayu ketika itu. Tulisannya berbunyi :

“Bandar Taiping ibarat satu bandar Cina pada ketika itu. Bazar yang besar dan kedai yang mempunyai hiasan gaya masyarakat Cina kelihatan amat menarik. Penduduknya kira-kira 6 ribu orang di mana majoritinya adalah orang-orang Cina yang mempunyai berbagai puak dan minoritinya orang-orang Kling. Segala kemudahan terdapat disini termasuklah, rumah perjudian, bengkel, hospital, balai polis dan rumah Residen yang terletak di atas puncak bukit yang udaranya sejuk dan segar.....

Rumah Residen yang terletak di atas puncak bukit yang sangat curam dan terpencil. Hanya kereta kuda dan penarik beca berbangsa Kling yang mampu sampai ke puncak melalui jalan yang berliku ini. Pada tahun 1873, disinilah bermulanya pergaduhan. Pada waktu ini mereka masih di bawah perintah berjaga-jaga. Pada waktu siang bandar seakan kosong dan pada waktu malam pula apabila pelombong ini pulang, lorong dan rumah perjudian akan hidup dengan riuh rendah. Tidak seorang pun di antara mereka ini berketurunan Melayu”.



Rajah 1.3 : Issabella Bird menunggang gajah ketika lawatannya ke Perak, Malaya 1879.

Sumber : Agnes Yeoh, “*In Issabella’s shoes, up to anything free legged air*”. Heritage Asia, 2004.

Kegemilangan bandar Taiping pada zaman dahulu turut mendapat perhatian daripada pengembara lain. Antaranya termasuklah Harrison yang menulis tentang *Illustrated Guide to Federated Malay States* pada tahun 1910 (Teoh, 2004) dan Peet (1953), dengan artikelnya yang bertajuk *A Journal in The Federal Capital* di dalam *New Straits Time*, Singapore 1923.

Menurut Peet (1953), Taiping merupakan bandar yang mempunyai jalan yang lebar, teduh serta terdapat barisan pokok angsa yang berusia 30 hingga 40 tahun di sepanjangnya. Padang permainan serta kawasan lapang terdapat di merata kawasan. Taiping juga mempunyai kemudahan rekreasi yang mengatasi bandar kolonial lain pada ketika itu seperti Singapura, Pulau Pinang dan Ipoh. Menurut beliau lagi, "Kehidupan di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur akan lebih sihat dan menggembirakan sekiranya tasik, padang serta taman bunganya terletak di pinggir bandar seperti Taiping". Kedua-dua kenyataan ini membuktikan semenjak kurun ke 19 lagi bandar Taiping telah mempunyai identiti tersendiri dan mampu menarik perhatian pelancong asing. Pandangan oleh para pengembara ini merupakan satu publisiti yang penting dalam usaha memartabatkan warisan bandar ini baik di peringkat tempatan ataupun antarabangsa.

1.4 Kenyataan Masalah

Menurut Lynch (1960), imej persekitaran boleh dianalisa melalui tiga komponen iaitu identiti, struktur dan maksud. Ketiga komponen ini sering wujud bersama di dalam realiti. Namun bagi mewujudkan imej, faktor identifikasi, tertakluk hanya pada objek tertentu dan memberikan pengenalan diri bahawa ia adalah entiti yang berbeza merupakan elemen yang paling penting. Selain daripada tiada sebarang persamaan dengan objek lain, ia juga bermaksud *individuality or oneness*. Walau bagaimanapun, kepentingan elemen identiti ini sering dilupakan akibat daripada tuntutan pembangunan yang sedang rancak membangun. Selain itu, peranan elemen sosio budaya juga sering dilupakan di dalam konservasi

identiti setempat. Maka dengan itulah kajian ini dijalankan agar segala permasalahan berikut terjawab.

Kajian ini dilakukan atas sebab berikut:

I. Pembangunan baru yang dijalankan kurang menitikberatkan kawalan reka bentuk bangunan.

Ketiadaan piawaian dan garis panduan reka bentuk serta kawalan pembangunan yang sesuai untuk konservasi identiti bandar mempengaruhi rupa bandar seperti visual yang kurang menarik. Perubahan pada *skyline* dan fasad bangunan misalnya, memberi kesan terhadap karakter dan identiti bandar.

II. Kriteria yang menyumbang kepada konservasi identiti Bandar Taiping sebagai bandar warisan kurang diberi perhatian dan tidak menonjol.

Nilai warisan di Jalan Kota tidak mendapat perhatian sewajarnya daripada PBT, pemilik, penyewa dan pengguna. Keadaan ini disebabkan oleh tekanan ekonomi dan pembangunan. Kriteria seperti faktor sosio budaya, seni bina rumah kedai lama, pasar, pejabat daerah dan beberapa bangunan monumen yang terdapat di Jalan Kota memainkan peranan penting. Ini akan menyebabkan bandar Taiping kehilangan imej. Justeru, identitinya sebagai bandar warisan turut dipengaruhi.

III. Persepsi dan tahap kesedaran masyarakat yang rendah terhadap konsep konservasi identiti bandar.

Kurangnya pengetahuan dan kesedaran terhadap aktiviti konservasi identiti seringkali membuatkan masyarakat kurang memainkan

peranan dan tanggungjawab mereka di dalam membentuk persekitaran bandar.

IV. Rancangan Jejak Warisan yang kurang berjaya.

Keadaan ini akan memberi impak terhadap matlamat PBT untuk menjadikan Taiping sebagai Bandar Warisan. Kemudahan infrastruktur merupakan keperluan utama bagi Jalan Kota kerana lokasinya di tengah bandar dan merupakan pusat aktiviti perniagaan. Ketiadaan kemudahan infrastruktur seperti kemudahan sistem pejalan kaki, kawasan lapang dan produk warisan yang baik akan menyebabkan pengguna tidak dapat menikmati keistimewaan nilai warisan di Jalan Kota.

Garis panduan reka bentuk dan polisi yang sedia ada perlu diteliti semula agar bersesuaian dengan pembangunan semasa. Bandar Taiping dan Jalan Kota khususnya mempunyai potensi yang besar dan kejayaan terhadap perancangan reka bentuk bandar yang menitikberatkan potensi ini akan memberikan identiti yang tersendiri. Dalam hal ini, reka bentuk bandar yang berasaskan sejarah amat penting bagi mewujudkan persekitaran mapan dan mempunyai keseimbangan identiti dan karakter sekaligus dapat memberikan sumbangan kepada bidang urban.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian topikal ini akan memberikan tumpuan kepada:

- Konservasi identiti di Jalan Kota yang menganjur lebih kurang 1.6 kilometer panjangnya. Jalan ini mempunyai deretan rumah kedai

lama, pasar dan beberapa monumen sejarah. Kajian akan berdasarkan kepada keistimewaan dan keunikan yang terdapat di Jalan Kota dan persekitarannya. Ia merangkumi nilai warisan yang menjadi asas kepada pembentukan identiti bandar.

- Kajian ini meliputi kajian rujukan dan kajian lapangan untuk mengkaji pembangunan semasa dan kesan terhadap identiti bandar dan persekitarannya. Kajian akan dibuat ke atas rupa bentuk, reka bentuk persekitaran seperti laluan pejalan kaki, sistem lalu lintas, tempat letak kenderaan dan kawasan lapang .
- Aktiviti sosio budaya masyarakat tempatan.

1.6 MATLAMAT KAJIAN

Matlamat utama kajian ialah mengenal pasti nilai warisan dan masalah yang bakal dihadapi hasil daripada konservasi identiti dan karakter setempat di Jalan Kota. Kajian juga bertujuan menentukan faktor yang menyumbang kepada pembentukan bandar warisan yang mempunyai identiti tersendiri.

1.7 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- Mengenal pasti kriteria yang menyumbang kepada pembentukan identiti dan konservasi identiti bandar warisan.
- Mengenal pasti masalah dan ancaman terkini dan masa hadapan kepada konservasi identiti kawasan kajian.
- Mengkaji persepsi dan tahap kesedaran masyarakat tempatan dan pengunjung berhubung konsep konservasi identiti bandar.

- Menganalisa dan mengkaji sejauh mana kejayaan implimentasi garis panduan sedia ada serta peranan PBT di dalam merealisasikan rancangan konservasi ini.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN TERHADAP KONSERVASI BANDAR

Konservasi bandar merupakan penjagaan dan pengendalian warisan bandar daripada dimusnahkan atau diubah tanpa perancangan, pengawalan dan pengurusan yang sempurna lagi sistematik. Dalam konteks bandar warisan, fakta sejarah dan latar belakang sesuatu peninggalan seni bina memainkan peranan yang penting di samping untuk tatapan generasi akan datang. Seperti dinyatakan di bahagian pengenalan, sesebuah negara itu perlu mempunyai karakter dan identiti yang kukuh supaya ia dikenali di seluruh dunia terutamanya dalam bidang pelancongan. Pelancong yang datang ke negara Malaysia dapat merasai pengalaman seperti zaman pemerintahan kolonial yang merupakan nostalgia seperti menaiki beca (Rajah 1.4).



**Rajah 1.4 : Menaiki beca mengelilingi bandar.
Sumber : Kris Wong, “*Melaka Walkaround*”. Heritage Asia, 2003.**

Pada tahun 1880an, bandar Taiping amat terkenal dengan gelaran ‘*Chinese town*’ kerana majoriti penghuninya adalah masyarakat China. Aktiviti seperti perniagaan dan sosial yang belaku sehingga ke hari ini merupakan warisan peninggalan daripada nenek moyang zaman pemerintahan kolonial. Pemandangan rupa bandar yang berubah merupakan salah satu sebab mengapa konservasi bandar perlu diaplikasikan dan dimasukkan ke dalam agenda pembangunan PBT. Persekitaran bandar seperti ini memberikan gambaran bahawa konservasi bandar penting bagi pemeliharaan identiti, karakter dan memastikan pembangunan bandar dikawal. Persoalan seperti ketidakseragaman bangunan rumah kedai lama dan moden (Rajah 1.5) yang menjejaskan kualiti visual dan *skyline* bandar tidak akan timbul jika sesebuah bandar mengamalkan Pelan Konservasi yang baik.



**Rajah 1.5 : Rumah kedai lama di Jalan Kota.
Sumber : Kajian lapangan, Julai, 2004.**

Di dalam Rajah 1.6, terdapat empat peringkat bagaimana kajian ini dijalankan. **Peringkat Pertama** merupakan peringkat pemahaman awal terhadap topik dan latarbelakang kajian. Penyataan masalah dan isu yang berkaitan membantu kepada pembentukan matlamat dan objektif kajian.